Yebet bt Saman dan lain-lain (menyaman untuk pihak sendiri dan 76 individu Semaq Beri yang lain seperti yang tersenarai di dalam 'Apendiks A') lwn Foong Kwai Long dan lain-lain

MAHKAMAH TINGGI (KUANTAN) — SAMAN PEMULA NO 24NCVC-321–12 TAHUN 2012
MARIANA YAHYA H
20 JANUARI 2014

Undang-Undang Tanah — Tanah adat — Hakmilik — Hak di bawah Perlembagaan Persekutuan — Hakmilik orang asli terhadap tanah adat — Sama ada tanah milik kerajaan — Sama ada kerajaan negeri betul dalam meluluskan pembangunan atas tanah — Sama ada terdapat penempatan orang asli atas tanah — Budi bicara kerajaan negeri untuk mewartakan tanah sebagai kawasan orang asli — Sama ada satu kemestian kewajipan

Plaintif-plaintif mendakwa bahawa mereka berasal daripada kaum Semaq Beri yang menetap di kawasan Kampung Mengkapur di Pahang selama sekurang-kurangnya empat generasi. Kaum Semaq Beri kemudiannya telah dipindahkan dari Kampung Mengkapur antara tahun 1948-1960 atas sebab-sebab keselamatan. Selepas perpindahan tersebut, plaintif-plaintif menyatakan bahawa mereka tidak diberikan keluasan tanah yang mencukupi untuk bercucuk tanam. Akibatnya, mereka telah kembali semula ke Kampung Mengkapur. Pada September 2010, plaintif-plaintif mendapati bahawa defendan kedua telah meletakkan tanda-tanda batu dan cat pada pokok-pokok hutan di pelbagai lokasi dan menebang kayu balak dan hutan di tanah-tanah tersebut. Defendan kedua kemudian membersihkan tanah tersebut dan menanam pokok-pokok kelapa sawit. Ini menyebabkan plaintif-plaintif memulakan tindakan ini untuk memohon perintah-perintah deklarasi bahawa: mereka merupakan pemilik-pemilik menurut adat, pemegang-pemegang hakmilik orang asli ke atas Kampung Mengkapur seluas lebih kurang 7,000 ekar; hak-hak mereka tidak boleh dihadkan atau dirosakkan ke atas tanah tersebut; hak-hak mereka dan nenek moyang mereka dilindungi oleh defendan ketiga, keempat, kelima dan keenam; dan tanah-tanah yang dihuni oleh plaintif-plaintif diwartakan sebagai tanah adat orang asli.

Diputuskan, menolak permohonan plaintif-plaintif dengan kos:

(1) Tiada bukti yang menunjukkan defendan keempat wajib melaksanakan tugas awamnya sebagai orang asli di Kampung Mengkapur kerana telah disahkan bahawa tiada penempatan orang asli di Kampung Mengkapur. Plaintif-plaintif memohon hak ke atas tanah yang mereka tidak tinggal,

duduki dan menetap di atasnya. Oleh itu, Kampung Mengkapur bukanlah tempat yang diduduki oleh plaintif-plaintif atau mana-mana orang asli suku kaum Semaq Beri yang patut dipertimbangkan hak mereka di bawah Akta tersebut. Bagi kaum Semaq Beri yang tinggal dan menetap di Kampung Paya Bungor, segala bantuan dan kemudahan asas termasuk rumah, kemudahan infrastruktur, bekalan air, elektrik, bangunan tabika, balai raya, jalan kampung berturap dan lain-lain telahpun disalurkan kepada penduduk kampung orang asli Batu 34 Paya Bungor Kuantan (lihat perenggan 15–16).

(2) Perlembagaan tidak memperuntukkan sebarang kewajipan atau obligasi statutori kepada Kerajaan Malaysia untuk melaksanakan tanggungjawab kebajikannya ke atas plaintif-plaintif. Tanah yang dipertikaikan adalah tanah milik Kerajaan Negeri Pahang dan defendan ketiga dan defendan kelima tidak pada bila-bila masa memberi apa-apa persetujuan atau janji atau kelulusan ke atas tanah yang didakwa tanah yang diduduki oleh orang asli ini dan mewartakan sebagai penempatan orang asli sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta tersebut. Kewajipan untuk mewartakan mana-mana tanah atau kawasan yang didakwa sebagai kawasan orang asli di bawah Akta tersebut adalah merujuk kepada budi bicara Kerajaan Negeri untuk melaksanakannya mengikut keperluan dan pertimbangan Kerajaan Negeri. Ia bukan suatu kemestian kewajipan untuk melaksanakannya (lihat perenggan 17 & 19).

(3) Defendan ketiga dan kelima tidak silap dari segi undang-undang dalam membuat keputusannya meluluskan Pembangunan Ladang Rakyat kepada LKPP Corp Sdn Bhd yang kemudiannya menyerahkan projek kepada defendan kedua dan pertama untuk mengusahakan Ladang Rakyat tersebut. Defendan keempat dan keenam tidak boleh dipersalahkan atas keputusan yang dibuat oleh defendan ketiga dan kelima tersebut (lihat perenggan 20).

[English summary

The plaintiffs claimed that they originated from the Semaq Beri tribe which resided within the vicinity of Kampung Mengkapur in Pahang for at least five generations. The Semag Beri tribe was then moved from Kampung Mengkapur between the years of 1948-1960 for safety reasons. After the said move, the plaintiffs found that the second defendant had placed stone signs and paints on the forest trees at various locations and had carried out felling of timber and cultivated oil palms. This caused the plaintiffs to commence this action to pray for the declarations that: they were the owners under custom, the native title holders of Kampung Mengkapur stretching approximately 7,000 acres; their rights over the land could not be limited or destroyed; their rights and their ancestor's rights were protected by the third, fourth, fifth and sixth defendants; and the lands inhabited by the plaintiffs were *gazetted* as native customary land.

Held, dismissing the plaintiff's claim with costs:

(1) There was no evidence to show that the fourth defendant must carry out his public duty for the natives of Kampung Mengkapur as it was confirmed that there was no native settlement in Kampung Mengkapur. The plaintiffs applied for rights over the land which they inhabited, lived and resided on. Hence, Kampung Mengkapur was not a place inhabited by the plaintiffs or any other natives from the Semag Beri tribe whose rights should be considered under the said Act. For the Semaq Beri tribe to inhabit and live in Kampung Paya Bungor, all sorts of aid and basic facilities including houses, infrastructure facilities, water supply, electricity, kindergarten, hall, tarred village road and other aids were channelled to the residents of Kampung Orang Asli Batu 34 Paya Bungor Kuantan (see paras 15–16).

(2) The Constitution did not provide any duties or statutory obligations to the Government of Malaysia to carry out its welfare responsibilities to the plaintiffs. The disputed land was a land held by State Government of Pahang and the third and fifth defendants did not, at any material time, give consent or promise or approval over the land which was alleged to be a land inhabited by the natives and gazetted as the native settlement as provided by the Act. The duty to *gazette* any lands or area claimed to be the native area under the said Act referred to discretion of the State Government to carry out in accordance with the State Government's requirement and consideration. It was not something that must be compulsorily done (see paras 17 & 19).

(3) The third and fifth defendants did not err under law in their decision to approve the Pembangunan Ladang Rakyat to the LKPP Corp Sdn Bhd which later handed the project to the first and second defendant to be cultivated. The fourth and sixth defendants could not be blamed for the decision made by the third and fifth defendant (see para 20).]

Nota-nota

Untuk kes mengenai hakmilik, lihat 8(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2013 Reissue) perenggan 3233.

Kes-kes yang dirujuk

East Union (Malaya) Sdn Bhd v Government of the State of Johore & Government of Malaysia [1981] 1 MLJ 151, MP (dirujuk)

Sri Inai (Pulau Pinang) Sdn Bhd v Yong Yit Swee & Ors [2003] 1 MLJ 273; [2002] 4 CLJ 776, MR (dirujuk)

Tan Wee Choon v Ong Peck Seng & Anor [1986] 1 MLJ 322 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Orang Asli 1954 ss 2, 6, 7, 8
Akta Undang-Undang Sivil 1956 ss 3, 3(1), 6
Kanun Tanah Negara
Perlembagaan Persekutuan perkara 8(5)(c), perkara 18, 161A(6) , 161(8), Jadual Kesembilan, Senarai persekutuan, Senarai negeri

RS Pani (Yogeswaran, Subramaniam dan Darmain bersamanya) (RS Pani) bagi pihak plaintif-plaintif.
Nor Zakiah bt Abdul Majid (Zakiah) bagi pihak defendan pertama dan kedua.
Mat Za'raai bin Alias (Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang, Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang) bagi pihak defendan ketiga dan kelima.
Ahmad Hanir bin Hambaly @ Arwi (Peguam Kanan Persekutuan, Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang) bagi pihak defendan keempat dan keenam.

Mariana Yahya H:

LATAR BELAKANG KES

[1] Plaintif-plaintif di sini memohon perintah-perintah deklarasi bahawa mereka adalah pemilik-pemilik menurut adat, pemegang-pemegang hakmilik orang asli ke atas Kampung Mengkapur seluas lebih kurang 7000 ekar dan hak-hak mereka juga tidak boleh dihadkan atau dirosakkan ke atas tanah tersebut. Plaintif-plaintif juga menuntut bahawa hak-hak mereka dan nenek moyang mereka dilindungi oleh defendan ketiga, keempat, kelima dan keenam yang merupakan pemegang amanah bagi pihak plaintif-plaintif ke atas tanah-tanah tersebut dan juga memohon tanah-tanah yang dihuni oleh plaintif-plaintif diwartakan sebagai tanah adat orang asli.

[2] Plaintif-plaintif menuntut tanah-tanah adat termasuklah di sempadan timur, sebatang jalan tanah utama yang menghubungi Bandar Sri Jaya dengan Lombong Tembaga Mengkapur, Ladang Asia Jaya Sepakat dan ladang-ladang lain dan kawasan pembalakan di bahagian pedalaman, plaintif-plaintif mendakwa bahawa penempatan tertua adalah kawasan Chahabuk yang mengandungi:

(a) lima tempat kediaman kekal;

(b) sebuah tanah perkuburan untuk kegunaan bersama; dan

(c) kebun-kebun getah dan kelapa sawit.

Satu kilometer ke selatan Chahabuk terdapatnya kampung kecil Tumpesel yang mempunyai empat kediaman kekal dan bersebelahan Tumpesel ialah kawasan Gemaran yang telah dijadikan kegunaan pertanian sedekad yang lalu.

[3] Plaintif-plaintif juga menyatakan kaum Semaq Beri telah tinggal di Kampung Mengkapur sekurang-kurangnya empat generasi. Kaum Semaq Beri kemudiannya telah dipindahkan ke Kampung Mengkapur dari tahun 1948–1960 atas sebab-sebab keselamatan. Selepas perpindahan tersebut plaintif-plaintif menyatakan mereka tidak diberikan keluasan tanah yang mencukupi khususnya untuk bercucuk tanam dan telah kembali semula ke Kampung Mengkapur untuk meneruskan aktiviti bercucuk tanam, memungut hasil hutan, memburu dan memancing dan mengekalkan tempat keagamaan mereka. Plaintif-plaintif juga menyatakan terdapat lapan keluarga yang terdiri dari 30 orang yang masih tinggal di Kampung Mengkapur dan masih mendakwa bahawa terdapatnya agensi-agensi kerajaan seperti Kementerian Kesihatan membuat lawatan berjadual di Kampung Tumpesel dan Chahabuk.

[4] Pada pertengahan bulan September 2010 plaintif ke-34 mendapati defendan kedua telah meletakkan tanda-tanda batu dan cat pada pokok-pokok hutan di pelbagai lokasi dan menebang kayu balak dari hutan di tanah-tanah tersebut tanpa kebenaran kaum Semaq Beri di Kampung Mengkapur. Defendan kedua kemudian membersihkan tanah tersebut dan menanam dengan pokok-pokok kelapa sawit. Satu laporan polis telah dibuat oleh plaintif kedua terhadap pencerobohan oleh defendan pertama. Luas kawasan tanah yang dicerobohi adalah lebih kurang dua kilometer dari Kampung Tumpesel dan Chahabuk. Defendan ketiga, keempat, kelima dan keenam pula telah enggan dan gagal menjalankan tugas fidusiari mereka untuk melindungi kepentingan dan kebajikan kaum Semaq Beri dari segi Perlembagaan Persekutuan menurut perkara 8(5)(c). Defendan ketiga, keempat, kelima dan keenam telah membenarkan pencerobohan dilakukan secara berterusan oleh defendan pertama dan kedua.

UNDANG-UNDANG

[5] Jadual Kesembilan, senarai 11 senarai negeri, Perlembagan Persekutuan dan Kanun Tanah Negara memperuntukkan kuasa mengenai perihal tanah atau apa-apa status tanah dan yang demikian mana-mana undang-undang yang digubal berkenaan dengan tanah hendaklah tertakluk kepada kuasa kerajaan negeri. Bagi perkara tanah yang melibatkan peruntukan Akta Orang Asli 1954 pula, adalah jelas kuasa budi bicara mengenainya adalah di bawah kuasa kerajaan negeri. Ini diperuntukkan di bawah ss 6, 7 dan 8 Akta berkenaan iaitu:

Kawasan Orang Asli

Seksyen 6(1);

Pihak Berkuasa Negeri boleh, melalui pemberitahuan dalam Warta, mengisytiharkan mana-mana kawasan yang diduduki kebanyakannya atau hanya oleh orang asli, yang belum lagi diisytiharkan sebagai rizab orang asli di bawah seksyen 7, sebagai

suatu kawasan orang asli dan boleh mengisytiharkan kawasan itu untuk dibahagikan kepada satu kanton orang asli atau tidak.

Rizab Orang Asli

Seksyen 7(1);

Pihak Berkuasa Negeri boleh, melalui pemberitahuan dalam Warta, mengisytiharkan mana-mana kawasan yang diduduki hanya oleh orang asli sebagai suatu rizab orang asli.

Hak Menduduki

Seksyen 8(1);

Pihak Berkuasa Negeri boleh, melalui pemberitahuan dalam Warta, mengisytiharkan mana-mana tanah yang diberikan hakmilik atau tanah yang dipajakkan bagi apa-apa maksud di dalam mana-mana kawasan orang asli atau rizab orang asli.

Kuasa budi bicara oleh defendan ketiga adalah terletak kepada maksud peruntukan-peruntukan yang dirujuk iaitu perkataan 'boleh' yang bermaksud defendan ketiga boleh ('may') dan juga tidak boleh melaksanakan kuasanya untuk mengisytiharkan mana-mana tanah atau kawasan untuk orang asli atau *rizab* orang asli. Ia bukan satu peruntukan yang terjumlah kepada maksud 'dikehendaki' atau 'mesti'.

Defendan ketiga dan kelima tidak mempunyai kewajipan untuk mewartakan mana-mana tanah atau kawasan yang didakwa sebagai kawasan orang asli kerana kewajipan yang diperuntukkan di dalam Akta Orang Asli adalah merujuk kepada budi bicara kerajaan negeri untuk melaksanakannya menurut keperluan dan pertimbangan kerajaan negeri. Pun begitu ia tidak bermaksud pihak kerajaan negeri mengabaikan kewajipannya apabila tiba masa bahawa keperluan itu perlu untuk diberi pertimbangan dan ia bukanlah terjumlah kepada suatu kemestian kewajipan.

SAMA ADA PLAINTIF-PLAINTIF BERHAK DI SISI UNDANG-UNDANG DIISYTIHARKAN SEBAGAI PEMEGANG KEPADA HAKMILIK TANAH ADAT ATAS TANAH YANG DIPERTIKAIKAN DAN YANG DEMIKIAN BERHAK ATAS TANAH TERSEBUT DAN TIDAK BOLEH DIMUSNAHKAN, DIHADKAN ATAU DITAMATKAN ATAU DIHENTIKAN OLEH MANA-MANA DEFENDAN

[6] Saya merujuk kepada s 2 Akta Orang Asli 1954 yang dengan jelas mentakrifkan 'Tempat yang diduduki oleh Orang Asli' ertinya mana-mana tempat yang diduduki oleh sesuatu masyarakat orang asli tetapi belum diisytiharkan sebagai kawasan orang asli atau rizab orang asli'. Perkataan yang amat ketara dirujuk di sini ialah 'mana-mana tempat yang diduduki oleh sesuatu masyarakat Orang Asli'.

Adakah Kampung Mengkapur merupakan tempat yang diduduki oleh kaum Semaq Beri? A

Menurut afidavit defendan keempat dan keenam kawasan Kampung Mengkapur tidak pernah disenaraikan sebagai Perkampungan Orang Asli di dalam Daerah Kuantan (eksh MSM1 lampiran 21). Tanah yang dikatakan diduduki oleh orang asli Semaq Beri lebih kurang 7000 ekar adalah sebahagian besarnya hutan simpan berkelah dan tidak pernah dipohon oleh defendan keempat untuk dijadikan sebagai *rizab* orang asli. B

[7] Plaintif-plaintif bersama-sama 76 yang lain kini menetap di Batu 34 Kampung Orang Asli, Paya Bungor, Kuantan Pahang sejak tahun 1960. Seramai 41 ketua isi rumah telah memperoleh tanah ladang seluas 2.428 hektar 34 ketua isi rumah dari kalangan mereka juga telah memperolehi tanah tapak rumah seluas antara 578 meter hingga 2023 meter yang berstatus individu (exh MAM2). Rekod defendan keempat menunjukkan plaintif pertama, keempat, keenam, ke-15, ke-37 dan ke-63 adalah ketua isi rumah dan lain-lainnya adalah ahli isi rumah. (exh MSM3). Rekod juga menunjukkan plaintif ketiga adalah suku kaum Jakun dan plaintif kelima pula adalah dari suku kaum Semai dan ini bertentangan dengan dakwaan plaintif pertama bahawa mereka adalah dari suku kaum Semaq Beri. Tiada kenyataan bertulis menunjukkan kependudukan plaintif-plaintif di Kampung Mengkapur. Plaintif-plaintif gagal menunjukkan bahawa mereka adalah penduduk Kampung Mengkapur dan juga 'Tempat yang diduduki oleh Orang Asli'. Plaintif-plaintif di dalam afidavit mereka tidak menafikan bahawa mereka telah ditempatkan di Kampung Paya Bungor dan hanya ke kawasan Kampung Mengkapur untuk aktiviti-aktiviti memburu, mengutip hasil hutan, bercucuk tanam dan keagamaan. C D E F

[8] LKPP Corp Sdn Bhd ('defendan kedua') mengesahkan bahawa Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Pahang yang ke 37 tahun 2009 pada 23 Disember 2009 telah bersetuju meluluskan kawasan seluas 1,063.234 ekar atau lebih kurang 430.30 hektar di Sri Jaya, Mukim Luit, Maran (kawasan tanah tersebut) kepada defendan kedua untuk dibangunkan sebagai ladang rakyat bagi kegunaan pertanian iaitu kepala sawit. Defendan kedua telah dilantik untuk memajukan tanah tersebut. Pada 16 Mei 2010 defendan kedua bersama pegawai penguatkuasa Pejabat Tanah dan Daerah Maran telah membuat satu lawatan tapak untuk mengenalpasti sempadan kawasan yang akan dibangun dan mendapati perkara-perkara seperti berikut: G H

(a) kawasan tersebut telah diterokai secara haram dan terdapat juga tanah yang telah gersang akibat aktiviti secara haram; I

(b) tiada kawasan balak dan cuma kawasan semak belukar;

(c) terdapat tanaman kelapa sawit, getah dan sayur-sayuran; dan

(d) penanaman dan pembukaan tanah di kawasan berkenaan adalah tidak teratur.

Berikutan dari penemuan tersebut, Pentadbir Tanah dan Daerah Maran telah menjalankan operasi penguatkuasaan ke atas penerokaan tanah haram di kawasan tersebut.

[9] Pada 15 Ogos 2010 apabila defendan kedua memulakan kerja-kerja pembangunan, terdapatnya bantahan lisan daripada penduduk orang asli kawasan berhampiran yang mendakwa terdapatnya kawasan perkuburan di dalam kawasan pembangunan dan setelah disiasat mendapati tiada kawasan perkuburan yang didakwa. Defendan kedua menafikan bahawa Mohd Fazli bin Abd Hadi adalah ejen defendan kedua atau kontraktor defendan kedua sepertimana dakwaan plaintif-plaintif. Defendan kedua menafikan ada mengerjakan kerja-kerja pembalakan di kawasan yang dinyatakan plaintif-plaintif kerana kawasan ladang rakyat hanya memperolehi kayu-kayu pol. Plaintif-plaintif juga gagal mengenalpasti luas kawasan sebenar yang dikatakan milik mereka yang dicerobohi defendan kedua. Defendan kedua tidak mencerobohi tanah sesiapa melainkan kawasan yang diluluskan oleh defendan ketiga dan kelima untuk diusahakan atas arahan LKPP Corpo Sdn Bhd.

[10] Defendan pertama juga mengesahkan kawasan yang dikerjakan oleh mereka adalah berlainan dengan tanah yang dikatakan oleh plaintif-plaintif dan ianya adalah berlainan dengan kawasan yang dinyatakan oleh plaintif-plaintif. Plaintif pertama telah menawarkan untuk menjaga mesin-mesin milik defendan pertama dan meminta upah menjaga iaitu RM1,000–RM1,200 tanpa mengira pemberian rokok dan minuman keras. Plaintif pertama juga tidak pernah mengadu akan sebarang pencerobohan atau penindasan hak orang asli. Oleh itu tindakan plaintif pertama ke atas defendan pertama adalah salah di sisi undang-undang dan menyalahi proses mahkamah.

[11] Defendan ketiga dan kelima mengesahkan bahawa kawasan yang didakwa plaintif-plaintif adalah juga kawasan rancangan tanah kelompok ('RTK') yang telah diluluskan (eksh ZZ2 lampiran 16) dan terdapat juga kawasan perlombongan yang telah diusahakan (eksh ZZ3). Tiada penempatan orang asli seperti yang didakwa. Pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli Pahang atau Persekutuan tidak pernah memohon kepada defendan ketiga dan kelima untuk penempatan orang asli Kampung Mengkapur sebagaimana Akta Orang Asli 1954. Sebelum permohonan diangkat untuk diluluskan oleh MMK Pahang, pejabat Tanah Daerah Maran telahpun menjalankan siasatan ke atas tanah yang diluluskan dan mendapati tiada sebarang penempatan orang asli dalam kawasan tersebut yang mana kawasan yang didakwa berada di tengah-tengah ladang-ladang kelapa sawit milik LKPP Corp Sdn Bhd.

[12] Semasa operasi penguatkuasaan dijalankan oleh Pentadbir Tanah Daerah Maran juga mendapati tiadanya apa-apa kesan atau kesan peninggalan orang asli di dalam kawasan tersebut. Pada 14 Februari 2013, defendan ketiga dan kelima telah melawat tempat yang dipertikaikan dan mendapati perkara-perkara seperti berikut:

(a) kawasan persinggahan orang asli di Kampung Mengkapur iaitu dua buah rumah sahaja;

(b) kawasan perkampungan Melayu yang ditinggalkan; dan

(c) kawasan perkampungan Melayu yang masih ada.

[13] Seksyen 6, 7 dan 8 Akta Orang Asli 1954 tidak memperuntukkan hakmilik tanah diberikan kepada orang asli tetapi setakat perisytiharan suatu kawasan orang asli, *rizab* orang asli dan hak menduduki orang asli. Plaintif-plaintif mendakwa bahawa hak mereka adalah hak adat turun temurun. Adakah pemakaian *common law* mengenai dakwaan plaintif-plaintif mengatasi undang-undang negara sedia ada berkaitan perihal tanah dan orang asli? Adalah tidak dinafikan bahawa undang-undang *common law* masih terpakai setakat ianya diterima pakai. Setakat mana ianya diterima pakai bergantung kapada undang-undang sedia ada di negara ini berkaitan dengan perkara yang dinyatakan.

[14] Seksyen 3 Akta Undang-Undang Sivil 1956 telah menghadkan pemakaian undang-undang *common law* di dalam sesuatu perkara apabila terdapatnya undang-undang negara digubal mengenainya. Bagaimana mahkamah sepatutnya membuat pendekatan mengenai pemakaian undang-undang *common law* tersebut telah diputuskan di dalam kes *Sri Inai (Pulau Pinang) Sdn Bhd v Yong Yit Swee & Ors* [2003] 1 MLJ 273; [2002] 4 CLJ 776 (CA) di ms 786–787 di mana Hakim Gopal Sri Ram di dalam penghakimannya menyatakan seperti berikut:

> The approach of our courts to the development of our common law is to be found in the judgement of Hashim Yeop A Sani CJ (Malaysia) delivered in the Supreme Court case of *Ching Khiaw Bank Ltd v Hotel Rasa Sayang Sdn Bhd & Anor* [1990] 1 CLJ 675, where he said at p 682:
>
> Section 3 of the Civil Law Act 1956 directs the courts to apply the common law of England only in so far as the circumstances permit and save where no provision has been made by statute law. The development of the common law after 7 April 1956 (for the state of Malaya) is entirely in the hands of the courts of the country,

Seksyen 3(1) Akta Undang-Undang Sivil 1956 juga memperuntukkan klausa proviso mengenai setakat mana pemakaian *common law* yang sebenarnya iaitu:

Provided always that the said common law, rules of equity and statutes of general application shall be applied so far only as the circumstances of the States of Malaysia and their respective inhabitants permit and subject to such qualifications as local circumstances render necessary.

Oleh yang demikian hak di bawah *common law* dengan sendirinya tamat penggunaannya sebaik sahaja Parlimen menggubal undang-undang yang berkaitan dengan perbandingan hak-hak. Seksyen 6 Akta Undang-Undang Sivil 1956 memperuntukkan kedudukan undang-undang mengenai perihal tanah di Malaysia iaitu:

Section 6;

Nothing in this part shall be taken to introduce into Malaysia or any of the States comprised therein any part of the law of England relating to the tenure or conveyance or assurance of or succession to any immovable property or any estate, right or interest therein,

Hakim Wan Yahya di dalam kes *Tan Wee Choon v Ong Peck Seng & Anor* [1986] 1 MLJ 322 menjelaskan lagi akan kedudukan pemakaian *common law* dan hak ekuiti apabila wujudnya peruntukan s 3(1) dan 6 Civil Law Act 1956 dan Kanun Tanah Negara iaitu:

p 323;

It is true that prior to a1965 rights of way could be acquired through easement, prescription, lost modern grant or by way of necessity but these common law and equitable rights previously procurable in this country are no longer available since the passing of section 3(1) and 6 of the Civil Law Act 1956 and the National Land Code 1956.

Oleh yang demikian secara ringkasnya hak plaintif-plaintif mengenai status tanah dan hak ke atas tanah telahpun diperuntukan di bawah undang-undang Perlembagaan Persekutuan, Akta Orang Asli 1954 dan Kanun Tanah Negara. Maka itu undang-undang sedia ada mengatasi *common law*.

[15] Afidavit defendan keempat dan keenam tidak menunjukkan bahawa mereka telah gagal melaksanakan tugas awam mereka dalam memastikan perlindungan kesejahteraan dan kemajuan orang asli di Kampung Paya Bungor. Tiada bukti menunjukkan defendan keempat wajib melaksanakan tugas awamnya bagi orang asli di Kampung Mengkapur kerana telah disahkan bahawa tiada penempatan orang asli di Kampung Mengkapur menurut takrifan s 2 Akta Orang Asli 1954 akan 'Tempat yang diduduki oleh Orang Asli' sepertimana yang didakwa oleh plaintif-plaintif. Malah plaintif-plaintif bukanlah penduduk orang asli Kampung Mengkapur dan juga untuk membawa tindakan ini.

[16] Dalam permohonan plaintif-plaintif ini, mereka memohon hak ke atas tanah yang mereka tidak tinggal, duduk dan menetap di atasnya. Oleh yang

demikian Kampung Mengkapur bukanlah tempat yang diduduki oleh plaintif-plaintif atau mana-mana orang asli suku kaum Semaq Beri yang patut dipertimbangkan hak mereka di bawah Akta Orang Asli 1954. Bagi kaum Semaq Beri yang tinggal dan menetap di Kampung Paya Bungor segala bantuan dan kemudahan asas termasuk rumah, kemudahan infrastruktur, bekalan air, elektrik, bangunan tabika, balai raya, jalan kampung berturap dan lain-lain telahpun disalurkan kepada penduduk kampung orang asli Batu 34 Paya Bungor Kuantan berdasarkan kepada rekod kependudukan di kawasan tersebut.

SAMA ADA KERAJAAN MALAYSIA BERKEWAJIPAN MELAKSANAKAN TANGGUNGJAWAB KEBAJIKAN KEPADA ORANG ASLI

[17] Perlembagaan Persekutuan secara khususnya tidak memperuntukkan sebarang kewajipan atau obligasi statutori kepada Kerajaan Malaysia untuk melaksanakan tanggungjawab kebajikannya ke atas plaintif-plaintif. Perkataan 'Orang Asli' yang digunakan di Semenanjung Malaysia tidak ditafsirkan maksudnya berbanding perkataan 'native' di bawah perkara 161A(6) Perlembagaan Persekutuan, perkara 161(8) telah merujuk maksud 'native' kepada penduduk pribumi Sabah dan Sarawak. Perihal 'Kebajikan Orang Asli' yang dimaksudkan oleh plaintif-plaintif di sini telah diperuntukkan di dalam perkara 18 Senarai Persekutuan I, Jadual Kesembilan yang mana ianya adalah di dalam bidang kuasa kerajaan negeri. Perlembagaan Persekutuan telahpun memperuntukkan kuasa-kuasa tertentu kepada kerajaan negeri untuk ditadbir. Perkara-perkara berhubung dengan tanah adalah di bawah bidang kuasa defendan ketiga dan ia adalah di luar kemampuan defendan keempat dan defendan keenam untuk menyediakan sebarang 'proprietary rights' ke atas tanah kepada plaintif-plaintif. Oleh itu adalah tidak wajar untuk menyatakan defendan keempat dan defendan keenam telah mengabaikan tanggungjawabnya bagi perkara-perkara berkaitan 'tanah'. Suffian LP di dalam penghakimannya di dalam kes *East Union (Malaya) Sdn Bhd v Government of the State of Johore & Government of Malaysia* [1981] 1 MLJ 151, ms 153, (MP) menjelaskan kedudukan Perlembagaan Persekutuan mengenai 'tanah' iaitu:

> The scheme of the constitution may be summarised as follows:
>
> (1) Land is a State subject, item 2 of the State List in the Ninth Schedule, Revenue from land is assigned to States, item 2 Part III of the Tenth Schedule.
>
> (2) The general rule now is that legislative and executive authorities always go together. Thus over land, States have both legislative and executive authority. Only the State Legislative Assembly may legislate with respect to it: Parliament may not. And States also have executive authority overland. Articles 74(2) and 80(1) & (2)

(3) Notwithstanding the general rule thai Parliament may not legislate with respect to State subjects, under art 76 Parliament may exceptionally do so for the two purposes set out in paras (a) and (b) of cl (1) of that Article or if so requested by the Legislative Assembly of any thereof; but any such federal law does not come into force in any state until it has been adopted by the legislature of that state which may however make such modifications as it likes or even repeal it.

(4) There is a however a special provision with regard not, be it noted, to land generally, but to the following aspects of land, namely 'land tenure, the relations of landlord and tenant, registration of titles and deeds relating to land, transfer of land, mortgages, leases and charges in respect of land, easement and other rights of interests in land, compulsory acquisition of land, rating and valuation of land'. With regard to these matters, cl (4) expressly provides that Parliament may make laws, for the purpose only of ensuring uniformity of law and policy; and that these laws come into force in state without the necessity being adopted by their Legislative Assemblies and that the latter have no power to modify them.

(5) Article 80, by cl (2), provides that with certain exceptions that are not relevant here the executive authority of the Federation does not extend to State subjects, and, by cl (3) which deals specifically with land, that so far as Federation, it shall not operate in any State, unless approved by resolution of the Legislative Assembly of that State.

LAPORAN PAKAR

[18] Plaintif-plaintif telah mengemukakan afidavit pakar orang asli iaitu Dr Collins George Nicholas untuk menunjukkan kedudukan kaum Semaq Beri di Kampung Mengkapur. Laporan Dr Collins adalah lebih bertumpu kepada asal usul kaum Semaq Beri dan kehidupan mereka. Dr Collins sendiri di dalam laporannya mengakui bahawa pada tahun 2010 jumlah kaum Semaq Beri di Semenanjung Malaysia adalah 5,313 orang dan menurut Jabatan Kemajuan Orang Asli, pada tahun 2008 terdapat 21 penempatan Semaq Beri. Selain dua penempatan di Terengganu, selebihnya adalah di Jerantut, Temerloh dan Maran dalam negeri Pahang. Salah satu pusat penempatan Semaq Beri adalah di Maran iaitu di Batu 34, Kampung Orang Asli Paya Bungor yang terletak di Kampung Paya Bungor. Kaum Semaq Beri juga dikatakan tidak dapat dipisahkan daripada tanah, hutan, gunung ganang serta sungai-sungai bagi meneruskan kesinambungan komuniti mereka. Pelan kedudukan tempat Semaq Beri telah ditunjukkan melalui eksh YBS2. Pun begitu afidavit Penolong Juruukur Othman bin Mohamed Nor (lampiran 17) mengesahkan bahawa pelan yang dirujuk tidak disediakan oleh juru ukur berlesen yang diiktiraf. Setelah *ploting* secara digital dibuat ke atas Peta Kadaster, Othman bin Mohamed Nor mendapati keluasan kawasan yang didakwa wilayah adat Semaq Beri adalah lebih kurang daripada 8,232 ekar dan sebahagian besar kawasan yang didakwa didiami oleh orang asli adalah termasuk dalam kawasan

Hutan Simpan Berkelah dan ianya tiada kaitan dengan kawasan yang dibangunkan oleh defendan pertama dan kedua iaitu 430.30 hektar tanah di Sri Jaya, Mukim Luit, Maran.

KESIMPULAN

[19] Adalah suatu fakta yang tidak boleh disangkal lagi bahawa rekod Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Pahang dengan jelas membuktikan bahawa plaintif-plaintif adalah berupa penduduk orang asli Kampung Paya Bungor, Maran, Pahang dan bukan Kampung Mengkapur sebagaimana yang didakwa oleh plaintif-plaintif sebagai tanah yang diduduki oleh orang asli tersebut. Tanah yang dipertikaikan adalah tanah milik Kerajaan Negeri Pahang dan tiada pada bila-bila masa defendan ketiga dan defendan kelima memberi sebarang persetujuan atau janji atau kelulusan ke atas tanah yang didakwa tanah yang diduduki oleh orang asli ini dan mewartakan sebagai penempatan orang asli sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Akta Orang Asli 1954 ('Akta 134'). Kewajipan untuk mewartakan mana-mana tanah atau kawasan yang didakwa sebagai kawasan orang asli di bawah Akta 134 adalah merujuk kepada budi bicara kerajaan negeri untuk melaksanakannya mengikut keperluan dan pertimbangan kerajaan negeri. Ianya bukan suatu kemestian kewajipan untuk melaksanakannya. Peruntukan undang-undang mengenai perkara tanah dalam Perlembagaan Persekutuan, Kanun Tanah Negara dan Akta Orang Asli 1954 adalah mengatasi dakwaan hak atau harapan sah munasabah di bawah *common law*.

[20] Berdasarkan keterangan afidavit-afidavit yang difailkan dan hujahan pihak-pihak, mahkamah mendapati defendan ketiga dan kelima tidak silap dari segi undang-undang dalam membuat keputusannya meluluskan pembangunan ladang rakyat kepada LKPP Corp Sdn Bhd yang kemudiannya menyerahkan projek kepada defendan kedua dan pertama untuk mengusahakan ladang rakyat tersebut, defendan keempat dan keenam tidaklah boleh dipersalahkan di atas keputusan yang dibuat oleh defendan ketiga dan kelima tersebut. Oleh itu permohonan plaintif-plaintif di sini adalah ditolak dengan kos.

Permohonan plaintif-plaintif ditolak dengan kos.

Dilaporkan oleh Afiq Mohamad Noor